

SELAMAT HARI RAYA EIDUL FITRI

MAAF ZAHIR DAN BATIN!

Sunnah Nabi SAW di Hari Raya

1. Memperbanyak Takbir

Bertakbir pada 'Eidul Fitri merupakan taqarrub (amal mendekatkan diri) kepada Allah Taala yang sangat dianjurkan, sebagai rasa syukur atas ni'mat dan petunjuk yang diberikan oleh Allah Taala kepada kita, sebagaimana disebutkan dalam firman-Nya:

"Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur" (Al-Baqarah 185).

Bertakbir merupakan syiar Islam yang harus dipelihara dan diagungkan. Firman Allah Taala: *"Demikianlah (perintah Allah). Dan barangsiapa mengagungkan syi'ar-syi'ar Allah, maka sesungguhnya itu timbul dari ketakwaan hati"*

(Al-Hajj 32).

Kalimah Takbir yang sangat dibenci Syaitan ini disebut dengan rasa izzah dan penuh keinsafan sebanyak mungkin. Ad-Dar Qutni melaporkan bahawa apabila Ibn Umar r.a keluar di hari raya Idul Fitri, beliau akan berterusan bertakbir sehinggalah imam keluar untuk mengimamkan solat hari raya.

2. Mandi sunat hari raya

Ulama besar Tabien Said Bin Jubayr berkata : *"Tiga perkara sunnah di hari raya iaitu antaranya : mandi sunat sebelum keluar solat hari raya"*.

3. Memakai pakaian terbaik

Islam agama yang sukakan kebersihan dan keindahan, maka wajarlah kita memilih pakaian terbaik untuk hari raya yang mulia ini. Walaupun demikian, perlulah mengikut kemampuan dan janganlah membazir. Tidak wajar juga untuk menghina pakaian orang lain yang kurang indah dan mahal

4. Menjamah makanan b4 keluar

Ia berdasarkan hadith dari Anas Bin Malik yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari yang menyebut : *"Nabi SAW tidak keluar di pagi hari raya Eidil Fitri sehinggalah Nabi SAW menjamah beberapa biji kurma..."*

5. Tukar jalan pergi dan pulang dari Solat Eid

Ia berdasarkan hadith dari Jabir r.a yang menyebut bahawa Nabi SAW biasanya

menukar atau berbeza jalan pergi dan pulang apabila di hari raya" (Riwayat Al-Bukhari)

6. Solat Sunat Eidul-Fitri

Dari Ibnu Abbas radhiallahu 'anhuma, ia berkata :

"Bahwasanya Nabi shallallahu 'alaihi wasallam menunaikan shalat 'Id dua raka'at tanpa disertai shalat yang lain baik sebelumnya ataupun sesudahnya. " (Bukhari & Muslim) Hadits ini menunjukkan bahawa shalat

Eid itu hanya dua raka'at, demikian pula mengisyaratkan tidak disyari'atkan shalat sunnah yang lain, baik sebelum atau sesudahnya.

7. Mengucapkan selamat dan mendoakan antara satu sama lain

Tiada masalah untuk menggunakan apa jua kalimah, asalkan ianya mempunyai maksud yang sama. Bagaimanapun, kalimah yang digunakan di zaman baginda SAW adalah **"Taqabballahhu minna wa minkum"** ertinya : *Semoga Allah menerima amalan kami dan kamu*.

Disebut dalam sebuah riwayat : Ertinya : Berkata Wathilah, Aku bertemu Rasulullah s.a.w pada hari raya dan aku katakan pada baginda *"taqabballahu minna wa minka"*, baginda menjawab : *Ya, taqabballahu minna wa minka"*

8. Berziarah dan merapatkan hubungan baik sesama Muslim sempena musim cuti yang diperolehi.



INSIDE THIS ISSUE:

Berlabuhnya Tirai Ramadhan	1
Hari Raya suatu Ibadah	1
Secret 25: Eidul Fitri	2
Sunnah Nabi di Hari Raya	4

Berlabuhnya Tirai Ramadhan 1430H

Eid Mubarak pada seluruh warga Newcastle!

Tahniah kepada anda kerana telah melalui madrasah Ramadhan dengan penuh keikhlasan menuju objektif yang satu : At-TAQWA.

Berlalunya Ramadhan menandakan berlalunya peluang terbesar untuk meningkatkan status kita di sisi Allah Taala maka BERSEDIHLAH.

Kedatangan eidul-fitri pula menjelaskan hakikat bahawa Allah Taala bukanlah Rabb dan Ilah kita di bulan Ramadhan sahaja bahkan Rabb dan Ilah kita selama-lamanya Nikmat Allah itu akan berterusan mengalir selama-lamanya, maka BERGEMBIRALAH.



Hari Raya merupakan hari untuk bersedih dan hari untuk bergembira.

Bersedih kerana Ramadhan mungkin tidak datang lagi menemui kita. Bersedih kerana menyambut hari Raya jauh dari ibu

bapa dan sanak-saudara. Bersedih dengan kelemahan diri kita yang masih belum mampu diubah walaupun Ramadhan telah dihadirkan berkali2.

Namun, Hari Raya juga untuk kita bergembira dengan kejayaan kita kem-

balikan kepada fitrah kita yang suci dari dosa. Bergembira melihat ummah ini bersama2 menyambut ibadah Eidul Fitri dengan takbir

dan istighfar. Bergembira melihat hati2 bertaut kembali, saling ziarah-menziarahi dan hadiah-menghadiah. Bergembira dengan kemuliaan yang disyariatkan Allah pada Eidul Fitri.

‘Sesiapa yang merasa gembira apabila ia melakukan amal baik dan merasa buruk dengan perlakuan dosanya, itulah ciri Mukmin sejati ‘ (Al-Hadith)

Editorial board Al-Falah FAMSY-NUIMS mengambil peluang ini menyusun sepuluh jari memohon keampunan di atas segala salah silap sepanjang menemani kehidupan anda di bumi perantaun Newcastle ini.

Taqabballahu minna wa minkum solehal a'maal

EID MUBARAK!

Eidul-Fitri suatu Ibadah

Sabda Nabi saw kepada Abu Bakar r.a., "Setiap kaum ada perayaan, dan ini adalah perayaan kita" (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Hadis ini merujuk kepada 2 perayaan Eid yang khusus bagi orang Islam.

Konsep hari raya dalam Islam jelas menunjukkan bahawa ia adalah perayaan keagamaan. Ini

bermakna jika ia disambut di atas landasan agama, maka hari raya yang diraikan itu adalah satu ibadat. Aidilfitri disambut sebagai suatu kemenangan bagi orang yang dapat mengerjakan ibadat puasa Ramadan dengan sempurna. Kemenangan itu bukan saja menang kerana berjaya

mengawal nafsu makan dan minum selama sebulan pada siang hari sepanjang Ramadan, malah kejayaan menghalang diri daripada melakukan perkara dilarang, iaitu jika dilakukan akan terbatal puasanya.

Bersambung...



Sabda Rasulullah:
“Sesungguhnya
Allah telah
mengantikan 2 hari
tersebut bagi kamu
dengan 2 hari yang
lebih baik iaitu
Hari (Raya Aidil)
Adha dan Hari
(Raya Aidil) Fitri”

Secret 25: 'Eidul Fitr

That day I woke up at my usual hour with a smile. Another day alive, another day living and another day breathing, SubhanAllah and Alhamdulillah, I whispered to myself. I absolutely love waking up during such wee hour in the morning. Nothing can beat morning time for me.

I remembered how I accidentally irritated a few of my friends by being so chirpy, bubbly and happy so early in the morning!

“Sorry, you guys, I am a morning person, I can't help it!”, I said to them as they groggily and sleepily took their towels making their way to the ladies for their morning bath.

I don't know exactly what it is about mornings that I love so much.

Perhaps it is the silence, the stillness, the calmness, the tranquility and the quiet-

ness that totally gives clarity, peace and serenity to my heart, mind and soul, *Alhamdulillah.*

And I happen to agree with Emme Woodhull-Bäche when she poetically said, ***I love the sweet smell of dawn –***

our unique daily opportunity to smell time, to smell opportunity - each morning being, a new beginning.

Yes, each morning is truly a new beginning, you agree? *Totally!*

As I continued doing what I usually do in the morning, I suddenly heard a melodic voice, saying the beautiful, peaceful and soothing words that acknowledge the Greatness of One God, One Lord, Allah the Al Mighty, subhanallah.

Allahu akbar, Allahu akbar, Allahu akbar, laa ilaaha ill-Allah, Al-

lahu akbar, Allahu akbar, Allahu akbar, wa Lillaahi'l-hamd This only denotes one thing- First day of Shawwal is here. *SubhanAllah, subhanAllah, subhanAllah...*

Alhamdulillah, Ya Rabbi, for allowing me to taste the blessings of Shawwal again, for the umpteenth time...

Indeed, the sound of Takbir, glorifying our Lord has never failed to bring tears to my eyes, deliver serenity and peace to my heart and put a smile to my face....

I remembered the Words of Allah in His noble Book, ***(He wants you to complete the same number (of days) and that must magnify Allah (takbir) for having guided you and so that you may be grateful to Him.) (Al-Baqarah 2:185)***

....sambungan

Lantaran itu Allah menganugerahkan satu hari untuk kita sama-sama meraikan kejayaan daripada kemenangan itu. Kalimat 'fitri' sendiri bermaksud fitrah iaitu dengan kejayaan manusia balik kepada fitrah yang asal`Aidul Fitri berasal dari perkataan`aid adalah diambil dari kata al-`audu (kembali). Fitrah asal ini

sebenarnya suatu permulaan kejadian manusia yang sememangnya bersih daripada dosa dan noda.

Oleh kerana ia dikatakan sebagai perayaan keagamaan, maka cara menyambut hari raya itu sendiri perlulah mengikut adab dan peraturan tertentu. Apabila saja diumumkan hari raya, **maka mulakanlah malamnya dengan aktiviti ibadat. Ini seperti memperban-**

yakkan solat sunat, bertasbih, bertakbir dan bertahmid sebagai tanda kesyukuran.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan Tabrani dari Ubadah bin Soib menyatakan bahawa: ***"Sesiapa yang menghidupkan malam Aidilfitri dan Aidiladha dengan amalan yang baik dan ikhlas kerana Allah, maka tidak akan mati hatinya pada hari semua hati-hati akan mati, iaitu hari kiamat."***



Allahu akbar... Allahu akbar... Allahu akbar....

Ya Allah, indeed I am your grateful servant Ya Rabbi... for all Your countless blessings and guidance to me, my loved ones and all mankind...

Immediately, I started thinking. What should I do now this very first day of `Eid?

I 'scanned' through the invisible checklist in my head:

Bathe – checked

Look my best- checked

Takbir – checked and on-going

Perform `Eid Prayer– preparing

Did I forget anything else? Oh yes, I remembered one more thing to do- to eat dates before going off to the mosque as how my beloved Prophet Muhammad (peace and blessings be upon him) used to do,

"Allah's Apostle never proceeded (for the Prayer) on the Day of `Eid al-Fitr unless he had eaten some dates. Anas also narrated: The Prophet used to eat odd number of dates." (Al-Bukhari)

SubhanAllah, amazing, isn't it? Our beloved Prophet Muhammad (peace and blessings be upon him) ate dates before going to the mosque, my friends. Dates! Not cookies, not cakes and sure not biscuits too!

Immediately, I went to the kitchen, opened up my refrigerator and grabbed hold of those healthy yummy dates.

"Let me see... one, two, three, four and five. That's enough for now. Odd numbers - just like what the Prophet advised," I whispered to myself, smiling as I know I am following exactly as what he (peace be upon him) used to do 1429 years ago, *alhamdulillah*...

As I write my last post for this Ramadan Special, I would like to wish all my brothers and sisters the greetings of **Taqaballahu minna wa minkum' [may Allah accept (our deeds) from you and us]** as being practiced by the companion of our beloved Prophet Muhammad (peace be upon him) as below,

Ibn Hajar Al-`Asqalani said: "We have related in "Mahamiliyat" with a chain of narration that is hasan, from Jubayr ibn Nufayr who said: 'When the companions of Allah's Messenger (peace be upon him) met on the day of `Eid, they would say to each other, 'Taqaballahu minna wa minkum (may Allah accept from you and us).' (Fath al Bari 2:446)

So, again my dearest friends, **'Taqaballahu minna wa minkum' [may Allah accept (our deeds) from you and us]**.

May Allah accept our deeds from you and from us, *Ameen*...

And as I reflect on the first day of my graduation from my 30-days of Intensive Training Camp, and with the release of my biggest avowed enemy ready to 'pounce' on me anytime now, I pray to Allah that my Self-Restraining Training has benefited me and has changed me into the Zabrina 2.0 version I so much want to be.

At the same time, I pray that Allah, my Lord, my Creator the Most Merciful will continue to bless me with strength, will-power and determination befitting of the Graduate of Ramadan Class 1429H, *ameen*.

And lastly, let us all recite this beautiful words that could only be recited twice a year, as the sign of thankfulness for all the He has give us, *Alhamdulillah*. And one of them is today..., a beautiful Takbir and Tahmid glorifying our Lord, our Creator, our One and Only God, the Almighty, the Most Great, the Most Magnificent Allah subhanahu wa taala, *mashaAllah*...

**Allahu akbar, Allahu akbar, Allahu akbar,
laa ilaaha ill-Allah, Allahu akbar,
Allahu akbar, Allahu akbar, wa Lillaahi'l-hamd**

*Secret 25: `Eid ul-Fitri is taken from one of the 25 stories in Sis Zabrina's book: **Life is an Open Secret- Ramadan Special**. Life is an Open Secret- Ramadan Special carries 25 motivational and inspirational stories specifically tailored for the month of Ramadan when Muslims worldwide are required to observe the act of fasting from dawn until sunset for a period of one month.*

(<http://www.wisdomthruwords.blogspot.com/>)

**'Taqaballahu
minna wa
minkum' [may
Allah accept
(our deeds)
from you and
us].**

